

Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal berhubung dengan

HAK BUDAYA

Budaya merupakan asas penting bagi identiti Orang Asal. Budaya-budaya Orang Asal berasaskan konsep saling menghormati antara satu sama lain, sifat kerendahan diri dan saling bantuh-membantu. Nilai harga diri setiap insan dan pengkefakan integriti budaya merupakan prinsip-prinsip yang menyatukan para komuniti dan memastikan hubungan yang harmoni.

Petikan daripada "Asia Indigenous Peoples' Perspective on Development"



Orang Asal mempunyai hak untuk tidak diasimilasi secara paksa atau budaya mereka dimusnahkan. Mereka juga mempunyai hak untuk mengamalkan dan memperkuatkan pegangan kepada amalan-amalan tradisi dan adat resam. Ini termasuk hak untuk mengekalkan, menjaga dan membangunkan manifestasi budaya mereka seperti tempat-tempat bersejarah, ibadat, upacara, teknologi, kesenian dan keusteraan. - Artikel 8, 11



Orang Asal mempunyai hak keatas kepelbagaian dan keharmonian budaya, tradisi dan sejarah mereka. Mereka juga mempunyai hak untuk mengujudkan dan mengawal sistem-sistem pendidikan untuk mendidik didalam bahasa mereka sendiri mengikut kesesuaian kaedah budaya mereka. Mereka khasnya anak-anak mereka mempunyai hak keatas pendidikan dinegara mereka disemua peringkat tanpa diskriminasi.

Seterusnya, mereka mempunyai hak untuk mengujudkan media didalam bahasa mereka sendiri dan juga akses kepada semua.



Orang Asal mempunyai hak untuk memanifestasi, mengamalkan dan membangunkan tradisi kerohanian dan keagamaan dan adat resam mereka termasuk hak untuk mengujudkan dan mengawal objek-objek yang digunakan dalam upacara mereka. Seterusnya mereka juga mempunyai hak untuk memiliki akses dan hak untuk menuntut rangka-rangka manusia dan objek-objek yang digunakan dalam upacara. - Artikel 12



Pihak-pihak kerajaan perlu membangunkan mekanisma-mekanisma bersama dengan Orang Asal untuk:

Kemudahan perundangan termasuk menginstitusi kembali budaya, intelektual, keagamaan dan kerohanian hak milik Orang Asal yang telah diambil tanpa persetujuan dan pemberitahuan awal secara kolektif ataupun dengan cara yang melanggar undang-undang, tradisi dan adat resam mereka

Membenarkan akses dan/atau mengembalikan objek-objek upacara dan rangka-rangka manusia dalam pemilikan mereka;

Memastikan transmisi sejarah, bahasa, tradisi, falsafah, sistem penulisan dan keusteraan Orang Asal termasuk pengkhalan nama-nama komuniti, tempat dan individu;

Mengelak dan menghentikan asimilasi secara paksa atau integrasi dan diskriminasi terhadap Orang Asal dan mempromosi persafahaman dan hubungan baik diantara mereka dan sektor-sektor lain didalam masyarakat;

Menjamin akses kepada pendidikan disemua peringkat bagi mereka khasnya kanak-kanak didalam budaya dan bahasa mereka sendiri termasuk mereka yang tinggal diluar komuniti; memastikan media milik kerajaan dan persendirian dan pendidikan mencerminkan dengan sesuai kepelbagaian budaya Orang Asal; dan

Memastikan Orang Asal memahami dan difahami dalam proses-proses pentadbiran, perundangan dan politik dengan menyediakan kepada mereka terjemahan-terjemahan ataupun melalui cara lain yang sewajarnya.



Orang Asal mempunyai hak untuk mengekalkan, mengawal, menjaga dan membangunkan warisan budaya, pengetahuan tradisi, ekspresi-ekspresi budaya dan manifestasi amalan yang berunsur saintifik and teknologi-teknologi mereka termasuk juga hak keatas hak-hak intelektual terhadap aset-aset tersebut. Pihak kerajaan harus mengiktiraf dan menjaga hak-hak tersebut. - Artikel 31



Orang Asal berhak untuk menentukan identiti mereka atau keahlihan mengikut adat resam dan tradisi. Walaupun bagaimanapun ini tidak menghapus hak mereka keatas keswaranegaraan dinegara dimana mereka tinggal. - Artikel 33

Orang Asal mempunyai hak untuk membangunkan dan mengekalkan struktur-struktur institusi mereka dan juga adat resam, tradisi kerohanian dan amalan-amalan termasuk sistem-sistem perundangan yang konsisten dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. - Artikel 34



PRODUCED BY
ASIA INDIGENOUS PEOPLES PACT
WEBSITE: WWW.AIPPNET.ORG



JARINGAN ORANG ASAL
SE-MALAYSIA

Orang Asal mempunyai hak untuk menghidupkan kembali, mengunakan, membangunkan dan transtmit sejarah, bahasa, tradisi, falsafah, sistem penulisan dan karya mereka kepada generasi akan datang. Mereka mempunyai hak untuk mengekalkan nama-nama mereka termasuk nama komuniti dan tempat-tempat tertentu. - Artikel 13